

Ruj. Kami : PERB.PRJ(PELB.).09.172.Jld.2 ()
Tarikh : 12 Ramadhan 1441H
05 Mei 2020



MAJLIS DAERAH SIK

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih dibenarkan membuat tawaran masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

Jabatan yang mengeluarkan sebutharga	Kod Bidang	Tajuk Projek	Tarikh Pembelian Sebutharga Dan Masa	Harga Sebutharga
Majlis Daerah Sik	G1	MDS/PERB/SH/03/2020: Menaiktaraf Bangunan Inai, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman G1, B04 & B14 MDS/PERB/SH/04/2020: Membina Gerai Niaga Di Pekan Batu Lima, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman G1, B04 MDS/PERB/SH/05/2020: Menaiktaraf Gerai Niaga Berhampiran Pasar Tanjung, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman G1, B04 & B14	10/05/2020 Hingga 18/05/2020 09.00 Pagi Hingga 12.00 Tengahari	RM50.00 Senaskah

Majlis Daerah Sik	G2	<p>MDS/PERB/SH/06/2020: Membina Laluan Pejalan Kaki Dari Sek. Men. Keb. Sik Ke IPD Sik, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman G2, CE21</p> <p>MDS/PERB/SH/07/2020: Membina Laluan Pejalan Kaki Dari Kompleks Perniagaan Alamanda Ke Sek. Men. Keb. Maktab Mahmud, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman G2, CE21</p>	<p>10/05/2020 Hingga 18/05/2020</p> <p>09.00 Pagi Hingga 12.00 Tengahari</p>	<p>RM50.00 Senaskah</p>
-------------------	----	--	--	------------------------------------

2. Berikutan daripada tempoh **Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)** lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Pihak kontraktor dibenarkan untuk membuat lawatan ke tapak projek berkenaan secara persendirian. Oleh itu, peringatan amalan penjarakan 1 meter hendaklah dipatuhi serta penggunaan *Facemask* dan *Hand Sanitizer* perlu digunakan ketika lawatan tapak projek tersebut.

3. Sehubungan itu, sekiranya pihak kontraktor yang mempunyai gejala seperti demam, selsema, batuk dan cirit-birit tidak digalakan untuk hadir bagi pembelian dokumen sebutharga berkenaan di pejabat Majlis Daerah Sik. Pihak kontraktor disarankan supaya memakai *Facemask* dan menjaga jarak sosial sekurang-kurangnya 1 meter apabila hendak membeli dokumen sebutharga berkenaan.

4. Hanya seorang sahaja bagi pihak kontraktor yang dibenarkan berada didalam kaunter Majlis Daerah Sik untuk urusan pembelian sebutharga berkenaan. Pihak Majlis Daerah Sik berhak menolak atau tidak menjual dokumen sebutharga kepada pihak kontraktor sekiranya tidak mematuhi Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan.

5. Pihak kontraktor mestilah berdaftar dengan Majlis Daerah Sik terlebih dahulu sebelum membeli dokumen sebutharga. Pendaftaran kontraktor untuk **G1** sebanyak **RM100.00** manakala **G2** sebanyak **RM200.00**. Pihak kontraktor mestilah membawa bersama dokumen-dokumen seperti berikut semasa membuat pendaftaran:-

- i. **Sekeping gambar Pengurus berukuran pasport**
- ii. **Salinan kad pengenalan pengurus dan rakan kongsi**
- iii. **Sijil original dan salinan sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

6. Pihak kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (KKM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan mempunyai tajuk yang dibenarkan sahaja **LAYAK** untuk menyertai sebutharga.

7. Pihak kontraktor perlu melampirkan dokumen-dokumen berikut semasa menyerahkan sebutharga tersebut seperti salinan Sijil Akaun Pendaftaran daripada **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, salinan Sijil Pendaftaran **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan salinan **Penyata Bank Tiga (3) Bulan** yang terkini bersama dokumen sebutharga yang lengkap.

8. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah ditutup dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan terang **tarikh tutup** dan **tajuk sebutharga** dan dialamatkan kepada:-

**Majlis Daerah Sik
08200 Sik
Kedah Darul Aman**

Tarikh tutup sebutharga ini ialah pada **18 Mei 2020 Jam 12.00** tengahari.

MAJLIS DAERAH SIK TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA SEBUTHARGA YANG PALING RENDAH ATAU SEBARANG SEBUTHARGA.



**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH SIK
KEDAH DARUL AMAN**

- s.k.
- a) **Ketua Jabatan Kejuruteraan
Majlis Daerah Sik**

 - b) **Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Majlis Daerah Sik**